



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

DI KANADA

Ikuti kisah penulis sebagai peserta
pertukaran pelajar antarabangsa



PENULIS ketika
mengikuti program
pertukaran pelajar.



KONGSI CERITA GEN.Y

Mohammad Amirul Ashraf Rozi
gen.y@hmetro.com.my

Februari lalu, saya cukup bertuah apabila terpilih sebagai peserta pertukaran pelajar antarabangsa ke Kanada.


Sebagai penuntut jurusan Teater Fakulti Filem Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) peluang melengkapkan latihan Industri di University of Lethbridge, Alberta, Kanada adalah pengalaman terbaik.

Selama tiga bulan di sana, banyak pendedahan dan perkara saya belajar. Tambahan pula, saya ke sana seorang diri dan ia kali pertama saya ke luar negara.

CUACA SEJUK

Tiba di sana, saya perlu menyesuaikan diri dengan cuaca sejuk iaitu mencecah -10°C. Bagaimanapun, saya cepat sesuaikan diri dengan suasana bersalji.

Ditempatkan di bahagian 'Sinografi', ia adalah bahagian penting yang akan menjadi tugas utama sepanjang saya berada di sini. Ini kerana saya pelajar produksi yang lebih memberi fokus kepada lakonan dan pengarah. Oleh itu, mereka inginkan saya belajar sesuatu yang baru. Walau cuaca sejuk, saya dapat jalani latihan dengan jayanya.



BINA PROP KLCC

Berlainan dengan tugas diberikan di Malaysia, antara tugas di sini membantu menyiapkan set dan prop yang akan digunakan dalam pementasan teater 'Of Least Concern' arahan Ron Chambers.

Saya bertindak sebagai pembantu kru set dan prop. Saya berjaya menyiapkan sebuah set tangga bersama-sama staf yang lain. Tidak terkecuali membina prop meja bertingkat dan almari.

Sebagai simbolik penuntut dari Malaysia, saya mengemukakan cadangan membina papan tanda KLCC. Alhamdulillah, staf sangat tertarik dengan rekaan itu dan menyukainya.

Banyak pengalaman baru saya dapat sepanjang di sana terutama dari segi komunikasi dalam bahasa Inggeris.

SEMANGAT JADI RUJUKAN

Apa yang boleh saya katakan, staf di sini bekerja dengan penuh dedikasi dan bersifat profesional. Saya sempat bekerja dengan beberapa produksi sepanjang berada di sini.

Mencuri peluang yang ada, saya turut mengikuti kelas pengarah. Di sini, selain ilmu, saya turut mendapat kenalan baru dari seluruh dunia.

Dengan peluang yang ada, saya turut ke negeri yang lain iaitu British Columbia untuk melihat sendiri persembahan tarian 'clogging' yang diadakan secara besar-besaran. Seorang tenaga pengajar membawa saya ke sana.

Kesimpulannya, banyak perkara baru yang saya pelajari terutama dalam bidang sinografi, lakonan, pengarah dan tarian dalam sesebuah teater. Pengalaman ini akan saya kongsi bersama pelajar yang lain terutama penuntut jurusan teater di UiTM mahupun sesiapa sahaja yang ingin memperoleh ilmu mengenai teater. Pengalaman hidup berdikari selama tiga bulan di Kanada pengalaman yang tidak dapat saya lupakan.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

